

17 NOV 2001

PBS-Gerakan

GERAKAN TIADA BANTAHAN BAGI PBS SERTAI SEMULA BN - DR LIM

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Parti Gerakan Rakyat Malaysia tiada bantahan bagi Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai semula Barisan Nasional (BN), kata Presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini.

Beliau melahirkan harapan bahawa parti pembangkang yang berpangkalan di Sabah itu akan membantu kerajaan negeri sedia ada dalam membangunkan Sabah.

Gerakan mengusahakan kemasukan PBS ke dalam Barisan Nasional pada 1986 tetapi apabila PBS keluar dari BN pada 1990, Gerakan tidak dimaklumkan terlebih dahulu, kata Dr Lim.

Katanya walaupun beliau dan Gerakan terluka dengan tindakan PBS itu, ia tidak akan menjadi penghalang kepada kemasukan semula PBS ke dalam BN yang dianggotai 13 parti.

"Walaupun kami terluka tetapi demi negara dan perpaduan kami akan lupakan maruah kami dan memaafkan tindakan PBS yang lalu...kami tidak akan bantah bagi mereka (PBS) sertai semula BN," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat jawatankuasa kerja pusat parti di ibu pejabat Gerakan di sini.

Minggu lepas, PBS pada kongres tahunannya memutuskan untuk memohon semula menyertai BN dan diikuti dengan Pairin menyerahkan borang permohonan kepada Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Khamis.

Pairin turut memohon maaf kepada Dr Mahathir atas tindakan mereka sebelum ini yang menarik keluar PBS daripada BN.

Dr Lim juga berkata Gerakan menyokong perisytiharan Perdana Menteri bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam.

"Kami menyokong perisytiharan PM kerana beliau telah memberi jaminan kepada kami bahawa Perlembagaan negara tidak akan diubah atau akan terdapat sebarang perubahan dalam institusi di Malaysia," kata Dr Lim.

Katanya kepimpinan Gerakan kini akan turun padang bagi memberi penjelasan kepada mereka mengenai pendirian parti mengenai isu negara Islam.

Mengenai pemilihan parti yang dijadualkan tahun depan, beliau berkata Jawatankuasa Kerja Pusat Gerakan telah bersetuju bahawa semasa pemilihan di semua peringkat parti, keutamaan pada setiap masa ialah agar semua anggota perlu bersatu.

"Kami boleh adakan pemilihan dan siapa sahaja boleh mencabar sesiapa sahaja tetapi perpaduan parti perlu menjadi keutamaan, saya dan anggota jawatankuasa kerja pusat akan pergi ke semua negeri bagi memaklumkan ini kepada anggota Gerakan," katanya.

Pemilihan peringkat Cawangan Gerakan akan diadakan dari Mac hingga April, pemilihan Bahagian (Mei hingga Jun), pemilihan jawatan peringkat negeri (Julai hingga Ogos) dan pemilihan pemimpin parti peringkat kebangsaan pada Septemeber tahun depan.

Ditanya sama ada beliau akan bertanding sekali lagi bagi jawatan sebagai Presiden Gerakan, Dr Lim berkata ia bergantung kepada kehendak anggota akar umbi dan Jawatankuasa Kerja Pusat.

"Jika mereka mahu saya terus kekal saya akan berbuat demikian tetapi jika terdapat bantahan untuk saya kekal sebagai presiden, saya mahu tahu kenapa, selepas itu saya akan buat keputusan," katanya.

-- BERNAMA

SR AFY AAM RHM